

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2002

JTP 201 - Kaedah Penyelidikan Perniagaan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA BELAS muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab LIMA (5) soalan. Soalan daripada Bahagian A dan Bahagian B adalah WAJIB. Jawapan bagi Bahagian A hendaklah ditandakan dalam borang OMR dengan menggunakan pensel 2B.

Anda dibenarkan membawa soalan Bahagian B keluar dari bilik peperiksaan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan ini.

KERTAS SOALAN BAHAGIAN A TIDAK BOLEH DIBAWA KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN. PASTIKAN ANDA MENULIS ANGKA GILIRAN.

BAHAGIAN A : (WAJIB)

Soalan 1

1. Penyelidikan yang sistematik, terkawal, empirikal dan menyelidik secara kritikal fenomena yang dihipotesis didefinisikan sebagai:
 - A. Penyelidikan perniagaan.
 - B. Penyelidikan saintifik.
 - C. Penyelidikan penerokaan.
 - D. Penyelidikan pengenalan.
 - E. Penyelidikan formal.

2. Mana satu kaedah mendapatkan maklumat berikut yang paling penting dalam menentukan kecekapan keseluruhan pembuatan keputusan seseorang pengurus.
 - A. Penyelidikan perniagaan.
 - B. Penyelidikan saintifik.
 - C. Intuisi.
 - D. Autoriti.
 - E. Tiada satu pun dari di atas, semua sama penting.

3. Pertimbangan dalam pemilihan rekabentuk pensampelan adalah:
 - A. Kos, ketepatan, masa, penerimaan hasil dan pengitlakan.
 - B. Liputan, elemen, unit pensampelan, masa dan kos.
 - C. Boleh diulangi, kos, ketepatan dan penerimaan hasil.
 - D. Populasi, saiz sampel, kos, ketepatan.
 - E. Saiz sampel, populasi, ketepatan, kos.

4. Mana satu yang berikut merupakan kegunaan teori dalam penyelidikan?
 - A. Ia mengurangkan julat fakta yang perlu dikaji oleh penyelidik.
 - B. Ia mencadangkan pendekatan penyelesaian masalah yang akan memberikan hasil yang terbaik.
 - C. Ia mencadangkan suatu sistem untuk penyelidik mengklasifikasikan data supaya lebih bermakna.
 - D. Ia mencadangkan suatu kerangka yang membolehkan penyelidik mencari data untuk menyokong kepercayaannya.
 - E. Tiada jawapan.

5. Mana satu yang berikut **BUKAN** sebahagian daripada proses hirarki soalan penyelidikan?
 - A. Soalan perisikan.
 - B. Soalan pengurusan.
 - C. Soalan pengukuran.
 - D. Soalan penerokaan.
 - E. Soalan penyelidikan.

6. Pensampelan rawak mudah, walaupun suatu pensampelan yang penting, jarang digunakan kerana
 - A. Kos.
 - B. Tidak mengandungi maklumat sampel yang mencukupi.
 - C. Semua elemen dalam populasi mesti dikenalpasti.
 - D. Jawapan (A) dan (B) sahaja.
 - E. Semua di atas.

7. Statistik tak berparameter bersesuaian apabila
 - A. data berbentuk ordinal.
 - B. taburan pensampelan tidak normal.
 - C. saiz sampel adalah kecil.
 - D. semua di atas.
 - E. tiada jawapan.

8. Apakah kebarangkalian ralat jenis I.
 - A. Alpha (α).
 - B. 1 tolak alpha (α).
 - C. Alpha (α) tolak 1.
 - D. Beta (β).
 - E. Sifar.

9. Mana satu prosedur berikut **TIDAK** melibatkan ujian min?
 - A. Compare means.
 - B. 1 sampel t-test.
 - C. Independent sample t-test.
 - D. Paired sample t-test.
 - E. Khi kuasa dua.

10. Analisis bivariat yang bersesuaian bila kedua-dua data berbentuk skala nisbah, saiz sampel 55.
- A. Ujian t.
 - B. Ujian khi kuasa dua.
 - C. Ujian anova satu hala.
 - D. Ujian anova dua hala.
 - E. Ujian korelasi.
11. Data primer dan sekunder dinilai dengan kriteria berikut:
- A. Tepat pada masa, relevan, ketepatan.
 - B. Relevan dan kebolegunaan.
 - C. Ketepatan dan prestij.
 - D. Tiada kriteria yang perlu digunakan, hanya pertimbangan peribadi.
 - E. Semua di atas.
12. Katakan kita mempunyai kesangsian bahawa salah satu daripada dua gelas minuman mengandungi racun. Dengan hipotesis nol tiada perbezaan antara kedua-dua gelas air minuman, apakah jenis ralat yang lebih serius?
- A. Ralat Jenis I.
 - B. Ralat Jenis II.
 - C. Ralat pilihan.
 - D. Ralat pensampelan.
 - E. Ralat pertimbangan.
13. Mana satu yang berikut **BUKAN** sebahagian daripada andaian dalam regresi berganda?
- A. Persandaran.
 - B. Taburan normal.
 - C. Homoscedasticity.
 - D. Multikolineariti.
 - E. Linear.
14. Rekabentuk longitudinal
- A. mengukur pelbagai pembolehubah di buat pada satu titik masa.
 - B. mengukur satu pembolehubah bagi pelbagai kumpulan responden pada satu titik masa.
 - C. mengambil masa yang panjang untuk habis (1 tahun atau lebih).
 - D. mengukur responden yang sama berulang kali dalam satu tempoh masa.
 - E. semua di atas benar.

15. Dalam pembentukan skala, kaedah manakah yang paling sukar untuk digunakan?
- A. Skala pertimbangan.
 - B. Skala kata sepakat.
 - C. Analisis item.
 - D. Skala kumulatif.
 - E. Skala faktor.
16. Satu sampel yang baik adalah bila tiada “bias” dari segi proses pensampelan. Ini didefinisikan sebagai
- A. konsistensi.
 - B. ketepatan.
 - C. kejituan.
 - D. kebolehpercayaan.
 - E. semua di atas.
17. Kriteria utama dalam penilaian pengurusan terhadap kutipan data sekunder melibatkan:
- A. “Timeliness”.
 - B. Ketepatan data.
 - C. Kos.
 - D. Semua di atas.
 - E. Jawapan B dan C.
18. Mana satu yang berikut di susun mengikut susunan tahap penyelidikan dari yang paling tidak berstruktur hingga yang paling berstruktur.
- A. Penerokaan, perihalan, sebab-musabab.
 - B. Penerokaan, penjelasan, perihalan.
 - C. Perihalan, penjelasan, sebab-musabab.
 - D. Sebab-musabab, perihalan, penerokaan.
 - E. Penjelasan, perihalan, sebab-musabab.
19. Dalam proses pembentukan teori, _____ adalah proses yang bermula dengan pengamatan dan membawa kepada kenyataan am manakala _____ adalah proses di mana konsepsualisasi di cabar secara saintifik.
- A. deduksi, induksi
 - B. induksi, reduksi
 - C. induksi, deduksi
 - D. fungsi, deduksi
 - E. deduksi, pengitlakan

20. Berbeza dengan konsep, konstruk
- A. lebih terikat kepada fakta yang boleh diamati
 - B. ujud pada tahap abstrak yang lebih tinggi
 - C. tidak terikat secara langsung kepada fakta yang boleh diamati
 - D. semua di atas
 - E. Jawapan B dan C
21. Pada amnya _____ adalah paling lemah manakala _____ adalah paling kuat dalam mengawal kesan pembolehubah gangguan yang boleh mengancam kesahan dalaman penyelidikan.
- A. Eksperimen makmal, kajian lapangan
 - B. Kajian lapangan, eksperimen makmal
 - C. Simulasi, eksperimen makmal
 - D. Kajian lapangan, eksperimen lapangan
 - E. Pengamatan, kajian lapangan
22. Hipotesis yang baik mestilah
- A. mencukupi untuk tujuan penyelidikan
 - B. boleh diuji
 - C. lebih baik dari lawannya
 - D. A dan B
 - E. semua di atas
21. Teori tidak diperlukan dalam penyelidikan perniagaan kerana perniagaan adalah disiplin gunaan (applied).
- A. Benar.
 - B. Palsu.
22. Penjelasan dan penerokaan adalah dua tujuan sesuatu model.
- A. Benar.
 - B. Palsu.
23. Konstruk hanya boleh diukur dengan menggunakan lebih dari satu item.
- A. Benar.
 - B. Palsu.

24. Kaedah pembentukan teori secara deduktif adalah kaedah yang terbaik untuk membentuk teori dalam penyelidikan perniagaan.

A. Benar.
B. Palsu.
25. Data sekunder boleh dikumpulkan lebih cepat dan dengan kos yang lebih rendah daripada data primer.

A. Benar.
B. Palsu.
26. Dalam penyelidikan perniagaan, perhubungan sebab-musabab sebenar boleh dibuktikan.

A. Benar.
B. Palsu.
27. Pensampelan bukan kebarangkalian adalah di mana setiap ahli dalam populasi mempunyai kebarangkalian untuk terpilih yang sama.

A. Benar.
B. Palsu.
28. Oleh kerana tujuan utama penyelidikan sebab-musabab adalah untuk mengenalpasti perhubungan sebab dan akibat, ia selalunya dijalankan sebelum penyelidikan penerokaan atau deskriptif.

A. Benar.
B. Palsu.
29. Kajian eksperimen memberikan hasil yang konklusif (conclusive).

A. Benar.
B. Palsu.
30. Kekuatan utama kajian kes adalah analisis yang mendalam mengenai sesuatu subjek kajian.

A. Benar.
B. Palsu.

31. Kebanyakan penyelidikan perniagaan adalah penyelidikan asas.
- A. Benar.
B. Palsu.
32. Struktur cadangan penyelidikan mestilah fleksibel untuk mengambilkira kepelbagaian penyelidikan yang dilakukan dalam penyelidikan perniagaan.
- A. Benar.
B. Palsu.
33. Soalan tak berstruktur menyediakan responden dengan potensi respons yang sangat luas.
- A. Benar.
B. Palsu.
34. Kajian ex post facto adalah kajian di mana penyelidikan memanipulasi atau mengawal pembolehubah dalam penyelidikan.
- A. Benar.
B. Palsu.
35. PROQUEST adalah satu jenis pengkalan data secara talian.
- A. Benar.
B. Palsu.
36. Ujian-ujian semula adalah suatu ujian aptitud yang diberikan kepada bakal responden untuk menentukan sama ada mereka berupaya untuk memberikan jawapan yang diperlukan.
- A. Benar.
B. Palsu.
37. Berbanding dengan tinjauan melalui mel dan telefon, temuduga peribadi mempunyai kadar penyertaan yang lebih tinggi.
- A. Benar.
B. Palsu.
38. Data dan maklumat bukanlah istilah yang boleh ditukarganti.
- A. Benar.
B. Palsu.

39. Penyelidik boleh menjangka untuk mendapat kadar respons sebanyak 50% secara purata setiap masa.
A. Benar.
B. Palsu.
40. Korelasi adalah ujian yang melihat perhubungan antara dua pembolehubah.
A. Benar.
B. Palsu.
41. Nilai R^2 adalah di antara nilai 0 dan -1.
A. Benar.
B. Palsu.
42. Kelebihan utama temuduga melalui telefon adalah kepantasan kutipan data.
A. Benar.
B. Palsu.
43. Gred A, B, C, D dan F dalam skala adalah skala ordinal.
A. Benar.
B. Palsu.
44. Cronbach Alpha adalah satu ukuran kebolehpercayaan.
A. Benar.
B. Palsu.
45. Skala yang lebih kompleks adalah lebih tepat berbanding skala yang ringkas.
A. Benar.
B. Palsu.
46. Kesahan lebih penting berbanding dengan kebolehpercayaan.
A. Benar.
B. Palsu.
47. Pra-ujian membantu dalam mengenalpasti soalan yang kabur dan mengelirukan.
A. Benar.
B. Palsu.

48. Terdapat satu kaedah yang berkesan dalam pembentukan ayat dalam soalan.
- A. Benar.
 - B. Palsu.
49. Pensampelan kebarangkalian menjamin penyelidikan tanpa-ralat. (error free)
- A. Benar.
 - B. Palsu.
50. Pengurus tidak seharusnya melibatkan diri dengan plan pensampelan kerana plan pensampelan berbentuk terlalu matematikal.
- A. Benar.
 - B. Palsu.

[40 markah]

BAHAGIAN B: (WAJIB)

2. Berdasarkan kepada senario yang diberikan di bawah, nyatakan bagaimana seorang penyelidik harus merekabentuk penyelidikan dengan menentukan setiap dari yang berikut: (dengan memberikan sebab)

- (a) Tujuan Penyelidikan
- (b) Sejauh mana campurtangan (kuasa) penyelidik
- (c) Persekitaran kajian
- (d) Dimensi Masa
- (e) Unit analisis

Senario

Seorang pengurus bank ingin menguji perhubungan antara kadar faedah dan keinginan untuk menyimpan dalam bank AMMB. Beliau memilih 4 buah cawangan bank di kawasan persekitaran Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak. Untuk satu minggu beliau membuat iklan mengenai kadar faedah di setiap cawangan seperti berikut: cawangan pertama 9 peratus, cawangan kedua 8 peratus, cawangan ketiga 10 peratus dan cawangan keempat kadar faedah tidak berubah iaitu 5%. Selepas tempoh masa seminggu itu dia mengira jumlah wang yang disimpan dalam setiap cawangan bank.

[10 markah]

3. Abu Baba seorang pensyarah universiti tempatan ingin mengkaji persepsi pelajar mengenai kuliah (lecture) yang baik. Dia melakukan lintasan karya (literature review) di perpustakaan dan internet. Beliau juga mengadakan kumpulan fokus bersama pelajar untuk mengenalpasti faktor yang perlu dikaji. Selepas melalui proses ini beliau mengutarakan teori berikut: persiapan yang rapi oleh pensyarah, motivasi pelajar, penggunaan alat bantu pengajaran yang bersesuaian dan memberikan contoh penggunaan teori dalam dunia sebenar akan membantu menjelaskan sebahagian besar variasi dalam persepsi pelajar mengenai kuliah yang baik. Beliau juga berpendapat keadaan ini tidak boleh diaplikasi kepada semua kursus, perhubungan ini hanya benar bagi kursus-kursus teori sahaja. Bagi kursus kuantitatif seperti matematik dan statistik keadaan ini tidak berapa tepat kerana pada dasarnya kursus-kursus ini dianggap susah oleh pelajar.

Berdasarkan penjelasan di atas jawab soalan yang berikut:

- (a) Apakah pernyataan masalah dalam keadaan ini?
- (b) Bentuk satu kerangka teori yang bersesuaian.
- (c) Bentuk 4 hipotesis yang boleh diuji.

[10 markah]

4. Dengan memberikan **contoh** yang sesuai, terangkan setiap yang berikut:

- (a) Perbezaan antara analisis *univariat*, *bivariat* dan *multivariat*.
- (b) Perbezaan antara definisi dan definisi operasional.
- (c) Perbezaan antara konsep dan konstruk.
- (d) Jenis-jenis data.
- (e) Perbezaan antara data primer dan data sekunder.

[20 markah]

5. Sebuah artikel yang diterbitkan dalam majalah Geografi telah menggunakan regresi berganda untuk meramal purata hujan yang turun dalam setahun di California, Amerika Syarikat. Data mengenai purata hujan, altitud, latitud dan jarak sesuatu kawasan dari pantai Lautan Pasifik bagi 30 buah stesen adalah seperti yang disenaraikan dalam jadual berikut. Data itu telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS dan output adalah seperti di bawah:

Penerangan pembolehubah:

PURATA Purata hujan yang turun dalam setahun
ALTITUD Tinggi kawasan dari aras laut
LATITUD Jarak latitud dalam darjah
JARAK Jauhnya kawasan dari Lautan Pasifik

***** MULTIPLE REGRESSION *****

Stesen	Purata	Altitud	Latitud	Jarak
1	39.57	43	40.8	1
2	23.27	341	40.2	97
3	18.2	4152	33.8	70
.
.
.
28	1.66	-178	36.5	194
29	74.87	35	41.7	1
30	15.95	60	39.2	91

Regression**Descriptive Statistics**

	Mean	Std. Deviation	N
Purata Hujan Tahunan dalam inci	19.8073	16.6212	30
Ketinggian dalam kaki	1375.30	2096.75	30
Latitud dalam darjah	37.027	2.667	30
Jarak dari pantai Pasifik dalam batu	78.70	69.30	30

Model Summary^b

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Durbin-Watson
1	.775 ^a	.600	.554	11.0980	2.260

a. Predictors: (Constant), Jarak dari pantai Pasifik dalam batu, Latitud dalam darjah, Ketinggian dalam kaki

b. Dependent Variable: Purata Hujan Tahunan dalam inci

ANOVA^b

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	4809.356	3	1603.119	13.016	.000 ^a
	Residual	3202.298	26	123.165		
	Total	8011.654	29			

a. Predictors: (Constant), Jarak dari pantai Pasifik dalam batu, Latitud dalam darjah, Ketinggian dalam kaki

b. Dependent Variable: Purata Hujan Tahunan dalam inci

Coefficients^a

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.	Correlations			Collinearity Statistics	
		B	Std. Error	Beta			Zero-order	Partial	Part	Tolerance	VIF
1	(Constant)	-102.357	29.205		-3.505	.002					
	Ketinggian dalam kaki	4.091E-03	.001	.516	3.358	.002	.302	.550	.416	.651	1.536
	Latitud dalam darjah	3.451	.795	.554	4.342	.000	.577	.648	.538	.845	1.058
	Jarak dari pantai Pasifik dalam batu	-.143	.036	-.596	-3.931	.001	-.210	-.611	-.487	.670	1.493

a. Dependent Variable: Purata Hujan Tahunan dalam inci

Residuals Statistics^a


	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation	N
Predicted Value	-7.4478	41.5529	19.8073	12.8779	30
Residual	-28.7221	33.3171	-1.08E-14	10.5083	30
Std. Predicted Value	-2.116	1.689	.000	1.000	30
Std. Residual	-2.588	3.002	.000	.947	30

a. Dependent Variable: Purata Hujan Tahunan dalam inci

Charts


Histogram

Dependent Variable: Purata Hujan Tahunan dalam inci



Normal P-P Plot of Regression Standardized Residual

Dependent Variable: Purata Hujan Tahunan dalam inci



Berdasarkan output di atas jawab soalan berikut:

- Bentukkan persamaan regresi berganda yang bersesuaian.
- Tafsirkan koefisien penentuan.
- Ramalkan aras hujan yang akan turun jika diberikan:

ALTITUD = -150 kaki
LATITUD = 33.5 darjah
JARAK = 154 batu

- Dapatkan ketiga-tiga pembolehubah di atas menjelaskan variasi dalam purata hujan yang turun dalam setahun secara bererti?

(e) Uji setiap pernyataan yang berikut:

1. Ketinggian mempunyai perhubungan yang positif dengan purata jumlah hujan yang turun.
2. Bila latitud meningkat maka purata hujan yang turun dalam setahun juga meningkat.
3. Lebih dekat sesuatu kawasan dengan Lautan Pasifik lagi tinggi purata hujan yang turun dalam setahun.

(f) Faktor yang manakah mempunyai pengaruh yang paling kuat pada purata hujan yang turun dalam setahun?

[20 markah]